

Kerajaan mahu bantu rakyat semua kaum: PM

MUAR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan adalah menjadi hasrat kerajaan untuk membantu rakyat semua kaum di negara ini tidak kira di mana mereka berada.

Tetapi kerajaan tidak boleh melaksanakan semua kehendak rakyat kerana ada golongan yang tertinggal, termasuk orang Melayu yang mengangap diri mereka dilupakan dan perlaksanaannya memakan masa.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap kepada kira-kira 200 pemimpin persatuan dan kesatuan Cina serta wakil-wakil tokong Muar di sini petang ini.

Katanya, kerajaan sentiasa meneliti rayuan yang dikemukakan oleh rakyat semua kaum dan saluran yang baik ialah melalui wakil-wakil rakyat Bari-

san Nasional (BN).

"Dalam hal ini kaum Cina juga boleh menyampaikan rayuan melalui wakil BN keturunan Cina. Kerajaan tidak akan menyalurkan peruntukan melalui wakil parti pembangkang kerana ini akan meningkatkan populariti mereka," katanya.

Beliau berharap, kawasan Muar akan diwakili oleh BN supaya rayuan dan masalah dapat disalurkan melalui mereka.

Mengenai gaji, Perdana Menteri menegaskan kegagalan peringkat awal rundingan gaji kakitangan kerajaan berpunca daripada sikap Presiden Cuepacs ketika itu, Encik Ahmad Nor yang menggunakan kongres itu untuk kepentingan politiknya.

Katanya, Encik Ahmad Nor yang kini Presiden SDP juga adalah seorang oportunis yang sanggup mengguna nama be-

liau (Datuk Seri Dr Mahathir) untuk memenangi jawatan Cuepacs.

"Dia mendakwa saya yang suruh dia bertanding untuk jawatan Presiden Cuepacs kerana kebetulan kami datang dari kampung yang sama," katanya.

Perdana Menteri berkata, apa yang sebenarnya dikehendaki oleh Ahmad Nor ialah supaya kakitangan awam membenci kerajaan.

Lantaran itulah, kata beliau, Ahmad Nor sering memberi pelbagai alasan untuk menolak tawaran kerajaan mengenai gaji ahli-ahli Cuepacs sedangkan ia dibuat berdasarkan cadangan beliau sendiri.

"Alhamdulillah bila dia (Ahmad Nor) tidak ada lagi dalam Cuepacs, rundingan gaji dapat dijalankan dengan jayanya," kata Datuk Seri Dr Mahathir ketika berucap di perhimpunan penyokong Barisan Nasional di padang Dewan Jubli Intan di sini.

Menyentuh DAP, Datuk Seri Dr Mahathir berkata ada tanda-tanda menunjukkan bahawa Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang akan mewujudkan 'dinasti Lim' dalam parti itu kerana pemimpin-pemimpin lain DAP hanya menjadi 'pak turut' kepadanya.

Ini jelas dilihat apabila Encik Lim meletakkan anak sulungnya untuk bertanding di kawasan Parlimen Kota Melaka yang dimenangnya sebelum ini.

"Pemimpin-pemimpin DAP yang lain terpaksa mengikut cakap 'boss mereka' (Encik Lim)."

Menurut beliau, DAP adalah sebuah parti yang sering meniupkan perasaan perkauman di kalangan rakyat, seolah-olah parti itu sahaja yang berjuang untuk masyarakat Cina dan tidak pernah wujud MCA, Gerakan atau parti-parti lain.

Tetapi, kata Perdana Menteri, nasib orang Cina di negara ini adalah baik, bukan kerana perjuangan DAP atau Encik Lim, tetapi kerana perjuangan MCA dan Gerakan melalui Barisan Nasional (BN).

BN 29 JUL 1986